

PEMERKASAAN PERANAN MASJID DI MALAYSIA ERA KONTEMPORARI

***Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man**
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Melaka

*Corresponding author's email: azlina406@melaka.uitm.edu.my

Abstract

The history of Prophet Muhammad's struggle in spreading Islam has proved the importance of the mosque as a basis for the construction of sovereign Muslim State (Madinah al-Munawwarah). At that time, the mosque is not just a place of worship, but also the center for scholarly activities – main references for Islamic affairs and bring together scholars to convey the teaching of Islam, and as a social agent in society. Referring to the success of the mosque at the time of Prophet Muhammad (pbuh) the role and function of mosques in Malaysia should be strengthened optimally to cater the needs of contemporary Islamic society. Therefore, this conceptual paper aims to study the roles of mosque in developing the ummah as well as to suggest its role as one stop center in Malaysia. For this paper, methods of observation and content analysis have been used. Preliminary finding shows that preparation and arrangement of various activities and programs can intrigue the target group especially the young generations.

Keywords: roles of mosque; contemporary Islamic society; Malaysia.

Abstrak

Sirah perjuangan Rasulullah SAW telah membuktikan betapa pentingnya fungsi masjid kepada perkembangan syiar Islam sehingga menjadi asas kepada pembinaan sebuah negara Islam yang berdaulat di Madinah Al-Munawwarah. Pada ketika itu masjid bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang menjadi rujukan utama berkaitan hal ehwal agama dan menghimpunkan para alim ulamak bagi menyampaikan ajaran Islam. Institusi masjid juga berfungsi sebagai agen sosial dalam sesebuah masyarakat. Melihat kepada kejayaan fungsi masjid pada zaman rasulullah tersebut, peranan dan fungsi masjid di malaysia perlu diperkasakan secara optimum bagi membina kekuatan ummah dan memenuhi keperluan masyarakat islam kontemporari. Justeru artikel ini akan menfokuskan kepada pemerksaan peranan masjid yang perlu dilakukan sebagai penggerak kepada pembangunan masyarakat di era kontemporari. Untuk kertas kerja ini, kaedah pemerhatian dan analisis kandungan. Dapatan awal kajian mendapati bahawa penyediaan dan penyusunan aktiviti dan program yang pelbagai dapat menarik minat kumpulan sasar terutamanya genarasi muda.

Kata kunci: pemerksaan; masyarakat Islam kontemporari; Malaysia

1.0 PENDAHULUAN

Secara umumnya masyarakat hari ini melihat masjid sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan muslim. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting dari itu di mana masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam. Oleh itu kehebatan sesebuah masjid bukanlah

bergantung kepada senibinanya semata-mata tetapi juga kepada tahap pengimarannya. Oleh demikian umat Islam harus memantapkan lagi peranan masjid dalam usaha membangunkan ummah yang cemerlang memandangkan hubungan masyarakat Islam dan masjid tidak boleh dipisahkan kerana saling berkait dan saling memerlukan.

Istilah masjid adalah berasal dari bahasa arab yang diambil dari perkataan “*sajada, yasjudu, sajan*”. Perkataan *sajada* ini merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004). Apabila merujuk kepada sesuatu tempat maka istilahnya menjadi “*masjidun*” yang membawa kepada maksud tempat sujud menyembah Allah SWT. Oleh itu istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat, bersujud menyembah Allah SWT. Menurut Kamus Dewan pula masjid bermaksud bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat jumaat dan ibadah-ibadah lain (Noresah, 2007). Dalam al-Quran pula perkataan masjid telah disebut sebanyak 26 kali. Jumlah ini menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam menjana pembangunan masyarakat (Roslan, 2008).

2.0 PERANAN MASJID DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Masjid merupakan sebuah tempat ibadah bagi umat Islam seluruh pelusok dunia. Namun ibadah yang dimaksudkan bukanlah solat semata-mata malahan lebih luas dari itu. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah an-Nur ayat 36-37 yang bermaksud:

“Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. Ibadah dikerjakan oleh orang yang kuat imannya, yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan solat serta mengeluarkan zakat, mereka takut hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan”.

Berdasarkan ayat di atas dapat difahami bahawa peranan masjid bukan sekadar sebagai tempat ibadah solat semata-mata bahkan mempunyai pelbagai fungsi dan peranan dalam pembangunan insan dan masyarakat dari segi rohani mahupun jasmani. Masjid merupakan tempat suci untuk memupuk keimanan dan mendorong seseorang untuk memperolehi cahaya petunjuk. Masjid adalah tempat untuk menyuburkan jiwa insan agar sentiasa mengingati Allah dalam apa jua keadaan samaada ibadat umum mahupun khusus (Hamka, 1985). Pembangunan insan yang berpaksikan kepada keimanan akan membentuk masyarakat yang kuat sekaligus dapat memandu ke arah kehidupan yang baik dan sejahtera. Insan yang kukuh iman dan jiwanya akan membentuk masyarakat yang taat melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran (Khalim & Aminuddin, 2008).

Dalam konteks ini jelas bahawa masjid berperanan sebagai pangkalan pembangunan insan yang berpaksikan kepada akidah yang benar dalam membina masyarakat ke arah memiliki nilai-nilai hidup yang mulia (Roslan, 2004). Justeru sistem pengajian masjid dilihat penting dalam usaha mendidik jiwa manusia menjadi insan cemerlang dan bertaqwa. Rasulullah SAW telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan utama dalam pembangunan insan dengan langkah membina masjid sebaik sahaja sampai di Madinah dalam peristiwa hijrah. Pada zaman Rasulullah SAW masjid merupakan pusat kegiatan kaum muslimin yang tidak terhad kepada tempat beribadah dan solat sahaja bahkan sebagai pusat perbincangan, pendidikan, pentadbiran, penyatuan ummah, siasah, sosial dan sebagainya. Selari dengan peranan masjid yang menjadi nadi kekuatan ummah pada ketika itu, Rasulullah SAW turut menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran (Abdul Razak, Mohd Khairil, & Ezry Fahmy, 2010).

Selain itu, Rasulullah SAW juga turut menjadikan masjid sebagai tempat menerima rombongan-rombongan yang datang menemui Baginda. Di sinilah tetamu-tetamu Rasulullah SAW di tempatkan dan bermalam. Daripada sinilah juga rombongan dihantar ke perkampungan kabilah-kabilah Arab di sekitar Madinah. Selain itu juga, golongan fakir miskin turut ditempatkan di suatu ruang dalam Masjid Nabawi sebagai bukti menunjukkan bahawa masjid juga turut berfungsi sebagai pusat kebajikan kepada umat Islam. Sejarah kegemilangan Islam telah membuktikan bahawa kecemerlangan umat Islam melalui budaya ilmu juga adalah berpangkalan di masjid. Masjid Quba adalah bukti masjid sebagai institusi kegiatan ilmu apabila Rasulullah SAW sendiri memberi khutbah dan membuat halaqah di samping para sahabat duduk mengelilingi baginda dan melakukan soal jawab. Aktiviti sedemikian terus berjalan di Masjid Nabawi, Masjidil Haram, Masjid Kufah, Masjid Basrah dan banyak lagi (Abdul Razak et al., 2010).

Di Malaysia, sejarah telah membuktikan kewujudan masjid sebagai sebuah institusi yang penting di Zaman Kesultanan Melayu Melaka di mana masjid dan surau berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran agama Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd, 2011). Jelas dalam catatan sejarah bahawa masjid telah memainkan peranan penting ke arah pembangunan insan dan masyarakat serta kegemilangan Tamadun Islam itu sendiri. Oleh itu di era moden ini umat Islam harus mempromosikan Masjid sebagai wadah penyatuan umat Islam serta menghidupkan kembali peranan Masjid dengan segala aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Di samping itu juga pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid perlulah mempunyai minda yang terbuka, berfikir kritis dan kreatif untuk merangka dan melaksanakan pelbagai program yang boleh melahirkan ummah yang cemerlang (Nik Daud, Mohd Helmi, & Rosmawati, 2014). Usaha yang bersepadu bagi mempromosi dan menyemarakkan program-program di masjid-masjid seluruh negara perlu diperkasakan agar ianya mendapat tempat di hati setiap lapisan masyarakat. Kebolehan dan kepakaran para jemaah boleh digembeling bersama-sama jawatankuasa masjid untuk dimanfaatkan oleh anak kariah dan masyarakat setempat agar usaha ke arah mengoptimumkan fungsi masjid berjaya direalisasikan.

5.0 MEMPERKASAKAN MASJID DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT KONTEMPORARI DI MALAYSIA

Dalam usaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan insan terutamanya dalam membangunkan masyarakat Islam kontemporari di Malaysia, beberapa cadangan dikemukakan untuk diberi perhatian dan dipertimbangkan, iaitu:

i. Masjid sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keIslaman

Masjid adalah institusi ilmu untuk kecemerlangan masyarakat Islam. Budaya ilmu ini perlu diluaskan dengan mengadakan kelas-kelas keagamaan dan juga kelas-kelas ilmiah yang lain seperti pelajaran komputer, sains, matematik dan lain-lain pelajaran dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Ini sangat bersesuaian dengan keperluan kehidupan masyarakat Islam kini terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan pedalaman dan jauh dari pusat-pusat kegiatan ilmu. Oleh itu peranan masjid sebagai pusat ilmu perlu dioptimumkan bagi membangunkan masyarakat Islam. Sebuah perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku rujukan fardhu ain dan kifayah boleh diwujudkan dalam sebuah masjid. Ini bererti rujukan di masjid bukan hanya terhadap kepada naskah al-Quran dan Yaasin semata-mata tetapi turut dimuatkan dengan pelbagai buku agama dan buku mengenai ilmu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Selain itu masjid juga boleh dijadikan sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran al-Quran (ulum al-Quran) dan al-hadith (ulum al-hadith). Kebanyakan masjid kini telah digunakan sebagai pusat

pembelajaran Al-Quran dan al-Hadith. Amalan ini haruslah diteruskan tetapi ada baiknya jika ditambah dengan menerangkan maknanya atau diberi tafsiran Al-Quran kepada mereka supaya al-Quran dapat difahami dan diamalkan sebaiknya. Begitu juga kefahaman terhadap hadith yang sebaiknya diajar dengan menggunakan kitab-kitab hadith secara konsisten (Mohd Norzi, Mohd Khafidz, Rosnani, Muhammad Fairuz, & Nor Asyikin, 2016). Lantaran itu satu modul khas boleh diwujudkan mengikut tahap kebolehan individu bagi memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan al-hadith di seluruh masjid di Malaysia. Usaha ini sekaligus dapat mengurangkan masalah buta al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam.

Menurut (Ahmad Fakhurrrazi, 2010) keseimbangan silibus bagi aktiviti pendidikan di masjid juga perlu diberi perhatian dan dilihat kembali. Pihak pengurusan masjid perlu memastikan subjek dan silibus pendidikan di masjid merangkumi ketiga-tiga elemen agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Di samping itu halatuju pendidikan di masjid juga perlu diperkemas. Beliau juga turut mencadangkan supaya pendidikan di masjid dijalankan seperti pengajian di pondok-pondok atau di institusi-institusi pengajian yang menggunakan kitab-kitab rujukan tertentu mewakili ketiga-tiga elemen agama tersebut. Buku-buku tersebut dibaca dan dibincangkan sehinggalah tamat dan diberikan sijil kepada jemaah.

Seterusnya usaha mengintergrasikan ilmu juga perlu dilaksanakan bagi memperkasakan lagi peranan masjid itu sendiri. Dalam hal ini konsep pengajian di masjid harus mempunyai roh kesepaduan ilmu di mana ilmu-ilmu Islam yang diajar di masjid harus sentiasa dikaitkan dengan ilmu dan realiti semasa. Dalam masa yang sama ilmu-ilmu semasa yang dibincangkan dalam paradigma pemikiran Islam juga dapat didedahkan kepada masyarakat. Oleh itu tidak semestinya golongan ustaz dan ustazah sahaja yang perlu mengajar di masjid tetapi golongan profesional dan intelektual Muslim juga turut berperanan (Abdul Halim & Mahfuzah, 2010). Hal ini dilihat sangat bersesuaian dengan masyarakat Islam kontemporari yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan dan kehidupan. Oleh itu pendidikan masjid yang bersifat realistik dilihat penting dalam membangunkan masyarakat Islam di Malaysia.

Penambahbaikan terhadap program-program seperti forum, tazkirah dan ceramah sempena hari-hari kebesaran Islam juga perlu diberi nafas baru agar pelaksanaannya bukan sekadar retorik semata-mata tetapi bersifat realistik dan bersesuaian dengan masyarakat Islam kini. Justeru, jawatankuasa masjid, kakitangan dan anak kariah perlu mengembleng tenaga untuk melaksanakan setiap program dan aktiviti secara berkesan demi membangunkan masyarakat Islam itu sendiri. Usaha ini perlu dilihat sebagai salah satu cara untuk bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah SWT dalam meraih manfaatnya di akhirat kelak, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barangsiapa membangun untuk Allah sebuah masjid meskipun hanya sebesar sarang burung, maka Allah akan membangunkan untuknya rumah di syurga.”

(Riwayat Bukhari)

Dalam masa sama program-program yang dilaksanakan juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat Islam itu sendiri. Ini penting dalam usaha mewujudkan sebuah komuniti yang harmoni dan ukhuwwah yang mantap sesama umat Islam.

ii. Menyusun struktur kerja masjid dan imam yang ideal

Salah satu ciri kejayaan sesebuah masjid sebagai pusat pentadbiran dan perkembangan masyarakat Islam adalah terletak pada struktur kerja masjid itu sendiri. Jawatankuasa kerja yang dinamik dan berkaliber akan dapat merancang dan mentadbir masjid dengan baik. Ini penting kerana daya tadbir institusi masjid yang cekap akan menyerlahkan imej kehebatan Islam itu sendiri (Noor Azlina & Mohd Isa, 2010).

Selain itu, Imam masjid juga mempunyai kedudukan, peranan dan fungsi yang sangat penting, bukan sahaja memakmurkan masjid, tetapi juga dalam membina, mengembang dan memajukan masyarakat

Islam yang merupakan jemaah masjid. Oleh itu imam masjid perlulah mempunyai kepimpinan, pengetahuan dan wawasan yang luas serta mampu menyelesaikan masalah kemasyarakatan dengan sebaik mungkin (Hailan & Rofishah, 2016). Karakteristik dan ciri-ciri yang ada pada seorang individu adalah sangat penting untuk dipertimbangkan dalam proses pemilihan serta latihan pemimpin. Oleh itu dalam menentukan karakteristik pemimpin lima perkara yang perlu dititik beratkan iaitu kemampuan kognitif, personaliti yang sesuai, bersifat keagamaan, bermotivasi untuk memimpin dan mempunyai pengalaman dalam memimpin. Maka dalam proses pemilihan imam lima karakteristik ini jugalah yang perlu ditekankan kerana karakteristik inilah yang perlu wujud di dalam diri pemimpin organisasi termasuklah institusi masjid (Mahzan & Abdullah, 2010).

Lantaran itu proses pemilihan dan pelantikan imam untuk sesebuah masjid perlu dititikberatkan. Ini kerana imam yang berkaliber memainkan peranan penting dalam menarik minat dan mendekatkan masyarakat kepada masjid terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam kini yang sering didedahkan dengan model-model dan selebriti-selebriti ternama. Dalam masa yang sama imam adalah model personaliti kepada seluruh masyarakat Islam yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan mereka.

iii. Masjid sebagai pusat kebajikan dan kaunseling

Masjid hendaklah menjadi pusat rujukan dalam masalah-masalah kehidupan masyarakat Islam sehingga mampu menyediakan jawapan yang munasabah dan Islamik bagi setiap pertanyaan. Malahan turut menjadi pusat kaunseling bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada hari ini. Satu anjakan paradigma boleh dilakukan di mana imam, bilal dan jawatankuasa masjid boleh menyediakan khidmat kaunseling kepada masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya masyarakat Islam kini yang penuh dengan cabaran dalam menjalani kehidupan.

Dalam konteks ini perlu dijelaskan bahawa bimbingan dan kaunseling yang hendak diwujudkan di masjid bukanlah merujuk kepada masyarakat yang bermasalah semata-mata tetapi ia adalah salah satu usaha bagi membantu pembentukan generasi muslim yang gemilang. Lantaran itu beberapa strategi dicadangkan agar pelaksanaan bimbingan kaunseling di masjid dapat dilaksanakan. Di antaranya ialah persediaan pihak pengurusan masjid, pelantikan jawatankuasa kaunseling atau kaunselor, latihan pembimbing, penyediaan bilik kaunseling dan rakan masjid (Saleh, 2010)

Kewujudan masjid sebagai pusat kaunseling dilihat bertepatan dengan realiti masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai tekanan hidup di era kontemporari. Pelbagai masalah sosial yang wujud dalam masyarakat seperti keruntuhan akhlak remaja, permasalahan rumah tangga, tekanan jiwa, gejala bunuh diri seperti yang berlaku di Pulau Pinang (Berita Astro Awani, 2016) dan sebagainya perlu diatasi secara bijaksana melalui peranan institusi masing-masing termasuklah institusi masjid yang menjadi nadi utama dalam membangunkan jiwa insan.

iv. Mewujudkan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) di Masjid

Di era kontemporari kini penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dilihat berupaya meningkatkan kefahaman, penguasaan, motivasi, mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan daya kreativiti seseorang. Sehubungan itu program dan aktiviti pengimaran masjid dilihat perlu kepada penggunaan ICT (Kamsaton, Mohd Izham, & Mohd Kamil, 2010). Hal ini dilihat penting dalam usaha memperkasakan semula peranan masjid dalam membangunkan masyarakat Islam kontemporari di Malaysia. Penggunaan ICT dalam Pengajaran di Masjid ini sudah pastinya dapat menarik minat masyarakat Islam kini terutamanya golongan remaja untuk menghadiri kelas pengajian yang dilaksanakan.

Sehubungan itu pembinaan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) di masjid dilihat sebagai satu anjakan paradigma dalam medan dakwah terutamanya dalam memperkasakan peranan masjid. Dalam hal ini

institusi masjid perlu maju ke hadapan seiring dengan masyarakat. Golongan *mad'u* diluar telah pun berada pada tahap kemajuan yang tinggi maka malanglah sekiranya institusi masjid yang menjadi nadi kepada pengembangan dan pembangunan Islam masih berada di tampuk lama. Oleh itu setiap masjid seharusnya dilengkapi dengan beberapa kemudahan ICT untuk memudahkan pihak pentadbiran masjid dan jemaah mendapatkan maklumat dengan pantas seperti e-fatwa, e-khutbah dan sebagainya. Laman-laman web dan laman sosial untuk sesebuah masjid juga boleh diwujudkan dan diaktifkan bagi memudahkan urusan penyebaran maklumat bersesuaian dengan situasi hari ini. Hal ini sekaligus dapat menarik minat golongan generasi Y yang sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan laman-laman seperti ini. Justeru saluran ini boleh digunakan sebagai salah satu medan dakwah di alaf ini.

v. Pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak

Peranan dan fungsi masjid tidaklah terhad kepada golongan lelaki dewasa sahaja malahan turut memberi ruang kepada golongan wanita, remaja dan kanak-kanak. Mereka juga adalah terdiri daripada komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu program-program yang dilaksanakan di masjid perlu bersifat realistik terhadap semua peringkat golongan. Dalam konteks remaja, program-program seperti sukan, sukaneka, pelajaran seni mempertahankan diri, senaman, futsal, pingpong, karom dan latihan memanah boleh dilaksanakan (Nazneen, Nurzatil Ismah, & Hasliza, 2014). Aktiviti -aktiviti ini boleh dilaksanakan dan sekaligus dapat menjayakan objektif pembangunan jasmani ummah itu sendiri serta dapat memupuk hubungan yang baik antara masyarakat dengan pihak masjid (Arman, 2009).

Selain itu pihak masjid boleh menjalankan aktiviti-aktiviti remaja dengan kerjasama persatuan, pertubuhan dan kumpulan-kumpulan tertentu secara langsung dengan lebih kerap lagi. Pengisian berbentuk kerohanian boleh diselitkan dalam aktiviti-aktiviti tersebut supaya remaja dapat menyebarkan dan memanfaatkan dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka sekaligus dapat menyelamatkan mereka daripada terlibat dengan masalah sosial di luar. Penganjuran aktiviti yang kreatif perlu mengambil kira aspek adat dan unsur budaya bagi menarik minat remaja menyertai aktiviti keilmuan misalnya mengadakan kelas Bahasa Arab dengan menganjurkan aktiviti mencipta irama Malaysia dalam Bahasa Arab, menganjurkan gotong-royong, memasak, kursus pengurusan jenazah, kursus kepimpinan, seminar remaja dan cinta, kursus keusahawanan Islam, dan lain-lain yang bersesuaian (Noor Azlina et al., 2010).

Kajian oleh (Ainoor, 2010) juga menunjukkan bahawa remaja lebih berkeinginan untuk ke masjid sekiranya terdapat faktor penarik dan ruangan yang memahami rentak dan naluri mereka. Oleh itu program khusus untuk golongan remaja perlu dipertingkatkan dalam skop bukan hanya untuk remaja yang suka ke masjid tetapi mencakupi remaja yang tidak berminat ke masjid. Daripada itu turut dicadangkan agar diwujudkan KIOSK 3H aduan remaja (*Hear, Help, Happy*). Hal ini dilihat penting kerana golongan remaja, pemuda dan pemudi adalah aset utama negara.

Seterusnya golongan kanak-kanak juga turut perlu diberi perhatian oleh pihak masjid. Pada hakikatnya kanak-kanak juga perlu mendapat tempat untuk turut sama mengimarahkan masjid dan pada masa yang sama tidak pula mengganggu ibu bapa mereka untuk beribadah dan mengikuti kelas pengajian yang dianjurkan di masjid. Oleh itu dicadangkan agar pihak masjid menyediakan tempat khas beserta dengan ruang aktiviti dan pembelajaran bagi kanak-kanak agar tidak mengganggu ibadah dan kelas pengajian kedua ibu bapa. Selain itu kanak-kanak juga boleh dilatih untuk melakukan khidmat masyarakat dengan membuat kerja-kerja ringan seperti menyusun kasut, melipat sejadah dan seumpamanya (Ahmad Fakhurrrazi, 2010).

Dalam konteks wanita pula, hak dan ruang mereka untuk menuntut ilmu dan membangunkan masyarakat tidak boleh dinafikan. Golongan wanita juga perlu diberi ruang dan peluang untuk mengambil manfaat dari kelas-kelas pengajian dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid. Sehubungan itu dicadangkan agar masjid lebih bersifat mesra wanita di mana satu ruang khas di luar ruang lingkup masjid disediakan agar wanita yang uzur juga boleh terus mengikuti pengajian di masjid. Ruang solat untuk wanita yang

berhijab dan kemas juga perlu disediakan di samping kemudahan-kemudahan pakaian solat wakaf agar memudahkan mereka yang bermusafir (Ahmad Fakhurrizi, 2010). Sekiranya masjid yang bersifat mesra kanak-kanak, remaja dan wanita ini dapat dilaksanakan maka sudah pastinya usaha mengoptimalkan fungsi masjid dapat direalisasikan. Ini kerana setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam mengimarahkan masjid.

vi. Masjid sebagai nadi ekonomi dalam masyarakat setempat.

Menurut Mohd Yahya, Fidlizan, Mohamad, Azila, dan Nurul Fadly (2015) peranan masjid kepada umat Islam amat luas ruang lingkupnya kerana ianya merupakan institusi yang boleh menyatupadukan seluruh umat Islam. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh institusi masjid untuk tujuan pengimarahkan ialah dengan melaksanakan aktiviti pengembangan ekonomi masjid. Oleh itu institusi masjid boleh menjana ekonominya bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi ummah melalui penglibatan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif (Ahmad Fauzi & Yusuf Marlon, 2016).

Sekiranya masjid terletak dalam kawasan yang luas, ia boleh dikelilingi dengan aktiviti ekonomi dan sosial. Sehubungan itu, masjid boleh menyediakan ruang kedai atau bazar diluar masjid untuk menjual aneka keperluan masyarakat Islam. Selain itu, budaya menerima sumbangan derma mestilah disertakan sama dengan usaha kepelbagaian ekonomi yang berteraskan keusahawanan dan perniagaan. Adalah wajar jika masjid boleh digarap sebagai medan penjana ekonomi ummah (Arman, 2009). Walau bagaimanapun etika Islam dalam berurusanniaga dan berada dalam kawasan masjid haruslah dipatuhi agar kesucian masjid itu juga tidak terjejas.

Selain itu masjid juga boleh menyediakan ruang atau tempat khas untuk pungutan zakat, wakaf dan sedekah. Selain daripada memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, kesedaran untuk bersedekah dan berwakaf juga dapat disuntik. Ini penting kerana kekayaan yang dikurniakan oleh Allah itu adalah kelebihan yang perlu dikongsi bersama dengan masyarakat Islam yang lain. Suntikan kesedaran ini dilihat sesuai dimulakan di masjid dengan fungsi dan peranan masjid itu sendiri sebagai pusat ibadah dan pembangunan masyarakat. Daripada itu ekonomi umat Islam dapat dimajukan dan diperkukuhkan lagi. Di samping membuat kutipan zakat, wakaf dan sedekah, masjid juga seharusnya menjadi tempat agihan dana-dana tersebut kepada pihak yang memerlukan. Dengan ini, masyarakat sekeliling akan merasa lebih terjamin dan dekat dengan masjid.

vii. Pusat penginapan pelancong Islam

Masjid-masjid di Malaysia perlu diberi nafas baru seiring dengan perkembangan masyarakat Islam kontemporari. Dalam konteks pelancongan, masjid dilihat sebagai salah satu destinasi penting kepada golongan musafir. Masjid merupakan bangunan yang mudah dijumpai di banyak lokasi di seluruh negara. Jika masjid-masjid tersebut mampu menawarkan kemudahan penginapan masalah ketiadaan tempat menginap kemungkinan tidak timbul kerana masjid lazimnya ada di sepanjang laluan perjalanan. Sehubungan itu institusi masjid boleh memperkasakan peranannya dengan mewujudkan rumah tumpangan (*homestay*) dan dalam masa yang sama turut berfungsi sebagai agensi pelancongan (*travel & tours*) bagi menjana ekonomi masjid di samping membantu para musafir dan sekaligus menyebarkan dakwah kepada para pelancong (Ahmad Fauzi & Muhammad Yusuf, 2016).

Idea rumah musafir yang diwujudkan di Masjid Sultanah Bahiyah dan Masjid Osmaniah Perlis boleh dijadikan contoh untuk menjadikan masjid sebagai salah satu pusat penginapan para pelancong Islam sekaligus memudahkan para musafir untuk beribadah. Kewujudan rumah penginapan yang dinamakan sebagai rumah musafir di Masjid Sultanah Bahiyah menjadi tarikan orang ramai terutamanya daripada luar kawasan untuk menginap. Rumah musafir yang dicituskan asalnya merupakan rumah yang disediakan untuk kediaman pegawai masjid tetapi tidak dihuni. Ahli jawatankuasa masjid telah memutuskan melalui mesyuarat untuk memanfaatkan bangunan terbabit dengan menyewakan bilik-bilik

tersebut kepada yang berkeperluan. Rumah yang dilengkapi dengan penyaman udara itu mempunyai tiga bilik tidur di tingkat atas. Manakala di bahagian bawah mempunyai ruang tamu lengkap dengan kerusi set, meja makan dan televisyen serta dapur. Manakala terdapat satu bilik berasingan di bersebelahan dengan rumah terbabit. Penghuni boleh memilih untuk menyewa keseluruhan rumah ataupun bilik-bilik tertentu (Noor Fiteri, 2013).


Rumah musafir Masjid Osmaniah pula terletak di Padang Besar, Perlis dan tidak jauh daripada sempadan yang memisahkan Perlis dengan Thailand. Masjid ini dibuka dengan rasminya pada Jumaat 24 Disember 1975. Kemudahan rumah musafir yang disediakan dalam kawasan masjid menjadi pilihan kepada pelancong yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Kemudahan rumah penginapan yang ringkas dilengkapi dengan kemudahan kipas di dua buah bilik yang disediakan. Terdapat juga ruang tamu yang luas serta ruang dapur di dalam rumah tersebut. Kesungguhan menyediakan kemudahan penginapan kepada musafir ini cukup membanggakan walaupun dengan pendapatan yang tidak seberapa. Pihak jawatankuasa masjid menyediakan kemudahan ini apabila mendapati kesukaran untuk mendapatkan penginapan di sebelah Padang Besar. Kebajikan juga menjadi asas kepada penyediaan kemudahan penginapan kepada pelancong (Noor Fiteri, 2013). Keterlibatan institusi masjid sebagai pusat penginapan para musafir atau pelancong Islam dilihat sangat baik kerana ia bukan sekadar melindungi para musafir bahkan sekaligus dapat mengajak mereka mendekati diri dengan aktiviti-aktiviti masjid.

viii. Masjid mesra orang kelainan upaya (OKU)

Menurut kajian Yayasan Dakwah Islam Malaysia (2015) pembangunan konsep dan model Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia masih berada dalam tahap kurang memberangsangkan. Golongan ini dilihat masih terpinggir dan mengalami kesukaran akses terutama dalam penggunaan kemudahan awam di masjid. Antara permasalahan yang diutarakan ialah kemudahan untuk menggunakan kerusi roda dalam ruang solat, penyediaan juru bahasa ketika khutbah Jumaat dan penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid.

Dari segi perangkaannya, dianggarkan bahawa satu peratus penduduk setiap negara adalah terdiri dari OKU. Ini bermakna, di Malaysia, terdapat seramai 260,000 OKU dalam pelbagai kategori yang memerlukan perhatian masyarakat. Kerajaan Malaysia, melalui Dasar Kebajikan Masyarakat Negara menawarkan perkhidmatan rawatan, pemulihan, pendidikan dan latihan kepada golongan ini dengan hasrat untuk menggabungkan mereka dalam masyarakat (IKIM, 2015).

Sehubungan itu kebajikan berkaitan pembangunan kerohanian golongan orang kelainan upaya juga dilihat perlu untuk diberi perhatian. Masjid mesra OKU bagi memudahkan mereka untuk beribadah perlu dibangunkan. Usaha-usaha ke arah memberi kefahaman Islam kepada mereka juga perlu digiatkan. Kumpulan-kumpulan daie yang terlatih khusus untuk membimbing golongan ini mengenai fardhu ain dan kesyukuran ajaran Islam perlu diperkasakan di masjid-masjid. Dalam Surah Abasa', ayat 1 - 11, diceritakan bagaimana Allah SWT telah menegur Rasulullah s.a.w yang telah tidak melayan seorang yang kurang upaya penglihatan yang datang kepada Baginda untuk bertanyakan hal-hal agama. Ini menunjukkan bahawa Islam menuntut kita melayan sesama manusia tanpa pilih kasih. Begitu jugalah dengan golongan OKU. Mereka wajib dibantu dan dipermudahkan hidupnya. Rajah 1 menerangkan carta alir pemeraksanaan masjid di Malaysia



Rajah 1 Carta alir pemerkasaan peranan masjid di Malaysia

6.0 KESIMPULAN

Pembinaan sebuah masjid adalah asas penting dalam membangunkan masyarakat Islam khususnya di era kontemporari yang kian mencabar. Hubungan antara masyarakat Islam dan masjid tidak dapat dipisahkan kerana masjid adalah tunggak dan nadi pusat kegiatan umat Islam. Begitu juga dengan institusi masjid yang memerlukan masyarakat Islam untuk mengimarahkannya. Justeru cadangan-cadangan ke arah pemerksaan masjid dilihat penting agar masyarakat dapat menjadikan masjid sebagai *one stop centre* sekaligus dapat mengembangkan ajaran Islam dan membangunkan masyarakat kontemporari di Malaysia. Justeru peranan masjid perlu diperkasakan seiring dengan modenisasi yang berlaku agar institusi masjid dilihat benar-benar berfungsi dalam membangunkan insan dan masyarakat yang sejahtera.

Rujukan

- Abdul Halim, T., & Mahfuzah, M. Z. (2010). Peranan institusi masjid untuk merealisasikan konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid*, 103-104.
- Abdul Razak, A.M., Mohd Khairil, A. A. L., & Ezry Fahmy E. Y. (2010). Isu dan cabaran institusi masjid dalam pembentukan sahsiah remaja di era globalisasi dan cadangan penyelesaiannya. *Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid*.
- Ahmad Fakhurrizi, M. Z. (2010). Singgulan awal terhadap isu-isu masjid sebagai one stop community centre. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid*, 97.
- Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. (2016). Strategi pembangunan ekonomi masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. *Seminar Antarbangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*.
- Ainoor, M. A., (2010). Masjid mesra remaja: Menurut perspektif remaja masa kini. *Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid*.
- Arman, Z. (2009). *Mengimarahkan masjid sebagai nadi masyarakat*. Diakses daripada: <http://aki2004.wordpress.com/2009/11/20/mengimarahkan-masjid-sebagai-nadi-masyarakat/>.
- Berita Astroawani (2016). *Lelaki dipercayai terjun dari jambatan kedua Pulau Pinang*. Diakses daripada: <http://www.astroawani.com/>
- Hailan, S. & Rofishah, R. (2016). Tahap amalan kepemimpinan pengurus masjid di Terengganu. *Journal of Business and Social Development*, 4(1), 65-77.
- Hamka (1985). *Tafsir al-Azhar Juzu' 18*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Kamsaton, S., Mohd Izham, M. H., & Mohd Kamil, A. K. (2010). Kepentingan amalan penggunaan ICT dalam kalangan pentadbir masjid: Hubungkaitnya dengan pengajaran dan pembelajaran. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjid*, 311-312.
- Khalim, Z., & Aminuddin, B. A. (2008). Pengurusan tingkahlaku remaja ke arah pemerksaan pembangunan modal insan: Berdasarkan teori barat dan pendekatan Islam. . *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan*, 6.

- Mahazan, A. M., & Abdullah, A. G. (2010). Meningkatkan kualiti imam sebagai pemimpin masyarakat: Perbincangan berdasarkan teori kepimpinan dan pengurusan organisasi. *Seminar Kebangsaan Pengajaran & Pembelajaran Berasaskan Masjid*, 49.
- Mohd Norzi, N., Mohd Khafidz, S., Rosni, W., Muhammad Fairuz A. A., & Nor Asyikin, H. A. (2016). Kitab-kitab hadis dalam pengajian di masjid-masjid Selangor: Kajian tinjauan. *1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*.
- Mohd Roslan, M. N. & Wan Mohd, T. W. O. (2011). Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal at-Ta'dib* , 6(1).
- Mohd Yahya, M. H., Fidlizan, M., Mohamad, H., Azila, A. R., & Nurul Fadly, H. (2015). Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjana ekonomi masjid. *Journal of Society and Space* 11(2) . Diakses daripada: <http://www.researchgate.net/publication/274568847>.
- Nazneen, I., Nurzatil Ismah, A., & Hasliza, T. (2014). Peranan dan sumbangan masjid As-Salam dalam pembangunan. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf*.
- Nik Daud, R. H., Mohd Helmi, A. R., & Rosmawati, M. R. (2014). Masjid Salehin sebagai wasilah dakwah kepada pelatih-pelatih pasukan polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1)
- Noor Azlina, J. & Mohd Isa, H. (2010). Masjid dan remaja. *Seminar Kebangsaan Pengajaran & Pembelajaran Berasaskan Masjid*.
- Noor Fiteri, A. (2013). Masjid mengendalikan penginapan: Pilihan alternatif kepada industri pelancongan. *Terengganu International Tourism Conference*. Diakses daripada https://www.academia.edu/4376912/Masjid_Mengendalikan_Penginapan_Pilihan_Alternatif_Kepada_Industri_Pelancongan.
- Noresah, B. (2007). Kamus Dewan. Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Roslan, M. (2004). Memperkasa masjid sebagai institusi pembangunan insan. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid*.
- Roslan, M. (2008). Masjid sebagai medan pembangunan insan. *Jurnal YADIM*.
- Saleh, A. (2010). Masjid dan kaunselor dalam pembentukan generasi muslim. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjid*, 115.
- Siti Fatimah, A. R. (2015). *Orang Kurang Upaya (OKU): Minoriti yang wajib diberi perhatian*. Diakses daripada: <http://www.ikim.gov.my>
- Syauqi, D. (2004) *al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM). (2015). *Membangun model masjid mesra OKU*. Diakses daripada: <http://www.yadim.com.my>